

# Pengharaman kontrak kepada Britain masih diteruskan

KUALA LUMPUR 25 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan masih belum membuat sebarang keputusan berhubung pengharaman pemberian kontrak-kontrak Kerajaan Malaysia kepada firma Britain.

Katanya, pada masa ini kerajaan sedang mengkaji surat daripada Perdana Menteri negara itu, John Major yang berharap supaya pengharaman tersebut akan berakhir tidak lama lagi bagi melorong hubungan jangka panjang.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Hari Keluarga Kementerian Dalam Negeri (KDN), di sini, hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas mengenai isu kandungan surat Major kepada beliau sebagai mengucapkan terima kasih di atas bantuan Kerajaan Malaysia membantu menyelamatkan askar-askar Britain yang tersesat di hutan Sabah baru-baru ini.

Surat tersebut telah diserahkan oleh Setiausaha Perdagangan Britain, Richard Needham kepada Dr. Ma-

hathir dalam pertemuan mereka di Jabatan Perdana Menteri, pagi semalam.

Ditanya berapa lamakah lagi tempoh pengharaman itu akan dilanjutkan, Perdana Menteri berkata: "Itu tidak boleh hendak ditentukan."

Mengenai pakej cadangan jangka panjang yang diserahkan oleh Needham, Dr. Mahathir menjelaskan, Malaysia memang mempunyai hubungan dagangan dengan Britain dan ia tidak terjejas.

"Cuma kontrak kerajaan sahaja yang kita tidak bagi, lain semua boleh. Kalau (syarikat) swasta nak bagi kontrak mereka boleh berbuat demikian," katanya.

Dr. Mahathir juga menegaskan, hubungan di peringkat menteri antara kedua-dua negara juga tidak terjejas berikutan langkah kerajaan mengharamkan pemberian kontrak kepada firma Britain.

Mengulas kenyataan bekas pengarang *The Sunday Times*, Andrew Neil bahawa beliau masih lagi boleh mencungkil kelemahan Kuala Lumpur

walaupun berada di New York, beliau berkata, Neil boleh berbuat demikian tetapi tiada siapapun yang akan mempercayainya.

"Dia boleh mengorek (mencungkil kelemahan Malaysia), tetapi semua orang tidak percaya dia lagi... semua orang tahu apa yang dia lakukan adalah pertarungan peribadi," katanya.

Neil telah mengakui bahawa tuduhan terhadap Malaysia dan Mahathir adalah tidak betul.

Malaysia mengambil tindakan mengharamkan pemberian kontrak kerajaan kepada firma Britain bermula akhir bulan Februari lalu sebagai membantah penyebaran fitnah oleh *The Sunday Times* London keluaran 20 Februari lalu ketika Neil menjadi pengarangnya.

Laporan itu antara lain menyebut Dr. Mahathir menerima rasuah AS\$50,000 (RM135,000) daripada Syarikat Binaan Wimpey International bagi mendapatkan kontrak membina kilang melebur aluminium bernilai RM2.46 juta.